



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 2 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BOT ADA LESEN SAH, TRAGEDI BOT KARAM DIPUKUL RIBUT, SH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PEMILIK BOT MILIKI LESEN SAH, LOKAL, HM -2	
3.	IKAN LAGA LIAR BERPOTENSI DIPROMOSI SEBAGAI IKAN TERNAKAN BESAR-BESARAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
4.	FLOAT KUDA SOROK KERBAU, LOKAL, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	VIRUS SELSEMA BABI DIKESAN PADA TERNAKAN, TIADA RISIKO JANGKITI MANUSIA -JABATAN VETERINAR, BERNAMA -ONLINE	
6.	SWINE FLU DETECTED IN LIVESTOCK BUT NO RISK OF INFECTING HUMANS - VETERINARY DEPT, ASIA NEW TODAY -ONLINE	
7.	SANGGUP TOLAK KERJA SYARIKAT MINYAK, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -20	
8.	WOMEN AGROPRENEURS EXPAND REACH THROUGH E-CPMMERCE, EVENT, THE STAR -6	AGROBANK
9.	PKS AGROBANK TEROKA E-DAGANG, BISNES SINAR, SH -31	
10.	JELAPANG PADI KOTA BELUD RUGI RM29 JUTA AKIBAT BANJIR, NASIONAL, SH -19	LAIN-LAIN
11.	RICE BOWL OF SABAH WATERLOGGED, NATION, THE STAR -14	
12.	BELUM GUGUR HABIS DITEMPAH, LOKAL, HM -16	
13.	CIPTA PELUANG MENERUSI INOVASI SEKTOR LOGistik, PERUNCITAN, MUKA SEPULUH, BH -10	
14.	PRACTISE MIXED CULTIVATION, FARMERS URGED, HOME, BORNEO POST (KK) -4	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	SINAR HARIAN	TRAGEDI BOT KARAM DIPUKUL RIBUT	21

## • Bot ada lesen sah

**BACHOK** - Jabatan Perikanan Negeri Kelantan mengesahkan bot yang dibadai kepala ribut di Kuala Kemasin malam kelmarin memiliki lesen perikanan sah.

Pengarah Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, aktiviti memancing dan mencandat sotong yang dilakukan kumpulan tersebut ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga tidak menyalahi peraturan.

“Sebenarnya, Jabatan Perikanan membenarkan bot nelayan melakukan aktiviti memancing, tetapi dari segi kebenaran membawa penumpang selain daripada kru perlu mendapat kelulusan Jabatan Laut.

“Untuk pengesahan sama ada mendapat kelulusan atau tidak perlu dirujuk kepada Jabatan Laut. Dari segi lesen vesel perikanan tidak ada masalah,” katanya kepada media ketika ditemui di Jeti Pemasaran Ikan Kuala Kemasin di sini semalam.

Nazri berkata, bermula April sehingga Ogos ialah musim untuk mencandat sotong dan menjalankan aktiviti rekreasi di laut sebelum tengkujuh bermula penghujung tahun.

Sementara itu, Nazri berkata, pihaknya mendapati pemilik bot berkenaan juga telah menyediakan jaket keselamatan mengikut bilangan yang ditetapkan berdasarkan syarat lesen.



**NAZRI**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	HARIAN METRO	LOKAL	2

# Pemilik bot miliki lesen sah

**Bachok:** Pemilik bot yang terbalik dalam kejadian ribut di perairan Kemasin di sini, Isnin lalu mempunyai lesen vessel yang sah.

Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, semakan mendapati bot milik tekong Azhar Mat Nisah, 48, mempunyai lesen kelas A yang sah dan akan tamat tempoh pada Jun 2021.

Katanya, ketika ini aktiviti perikanan termasuk memancing dan mencandat sotong juga dibenarkan.

“Secara dasarnya waktu ini tak ada masalah untuk turun ke laut kerana musim keadaan laut bergelora di kawasan pantai timur adalah antara November hingga



NAZRI

Disember.

“Apa yang berlaku ini di luar jangkaan kerana kalau diikutkan keadaan laut seperti biasa.

“Tiada masalah untuk neelayan menangkap ikan dan sememangnya dari April hingga Ogos adalah waktu ikan banyak dan musim

candat sotong,” katanya ketika sidang media di Jeti Perikanan Kemasin di sini, semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Irama, Mohd Huzaimey Che Husin turut meluangkan masa meninjau perkembangan terkini operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Kawasan jeti itu juga dikunjungi Yayasan Noor Al Syakur yang turut memberi sumbangan daripada Tengku Temenggong Kelantan, Tan Sri Tengku Muhammad Rizam Tengku Abdul Aziz dan isteri, Tengku Puan Temenggong Kelantan, Tunku Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>2/7/2020</b>	<b>UTUSAN BORNEO</b>	<b>ONLINE</b>	

## Ikan laga liar berpotensi dipromosi sebagai ikan ternakan besar-besaran



Kiandee menyerahkan ikan laga kepada pengunjung, Azri Hidzamni Mohd Zamri pada program pelancaran kerjasama rakan strategik Jabatan Perikanan dengan Persatuan Ikan Laga Liar di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi (berdiri, empat, kanan) dan Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi (berdiri, dua kanan). - Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Ikan laga liar yang dahulu dikenali sebagai *ornamental fish* berpotensi menjadi industri baharu untuk dipromosi sebagai ikan ternakan secara besar-besaran, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Menurutnya, pertandingan ikan laga liar secara dalam talian yang berlangsung ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dinilai berdasarkan kecantikan dan warna tanpa melagakan ikan, telah meningkatkan nilai ikan laga hingga mencecah ribuan ringgit.

"Kita mahu menjadikan industri ikan laga liar bertaraf dunia sekali gus menjadi pengeksport utama selepas ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kerjasama rakan strategik antara Jabatan Perikanan Malaysia dan Persatuan Ikan Laga Liar Malaysia, di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata industri ikan hiasan kini menyumbang RM370 juta setahun.

Malaysia, katanya mempunyai 40 spesies ikan laga liar dan ada antaranya yang hibrid atau sudah dikacuk.

"Malaysia pada masa ini merupakan pengeluar ikan laga liar paling tinggi di dunia, (tetapi) Malaysia berada di tangga keempat selepas Singapura, Indonesia dan Thailand sebagai negara pengeksport ikan laga liar," katanya.

Menurut kenyataan Jabatan Perikanan, Persatuan Ikan Laga Liar Malaysia kini mempunyai 15,000 pengikut di media sosial, berbanding hanya 3,000 orang pada tahun lepas. - Bernama

# Sanggup tolak kerja syarikat minyak

Siswazah kejuruteraan pilih ternak itik, lembu dan kambing di Felda Chini

PEKAN

**M**inat mendalam terhadap dunia penteranagan haiwan membuat seorang belia dari Felda Chini 2 di sini sanggup menolak tawaran bekerja di sebuah syarikat minyak dan gas.

Mohd Faiz Ikhwan Salleh, 27, berkata, beliau menolak tawaran tersebut kerana mahu terus menernak pelbagai haiwan di ladang kelapa sawit peñnggalan arwah bapanya.

Menurutnya, beliau kini boleh berbangga dengan pilihannya itu kerana mampu memperoleh pendapatan yang lumayan walaupun



Seekor itik daging dijual pada harga RM50 seekor dan mendapat permintaan penduduk sekitar Chini.

hanya bekerja sendiri.

Siswazah dalam bidang kejuruteraan mekanikal itu berkata, beliau membekali sedikit demi sedikit haiwan ternakan berkenaan bermula pada tahun 2018 dan kini memiliki 14 ekor lembu, 25 ekor kambing, 80 ekor itik daging dan 120 ekor itik telur.

"Idea untuk memulakan akti-



Itik daging yang ditemak oleh Mohd Faiz.

viti perternakan ini bermula pada tahun 2016 apabila keluarga meminta saya menjaga ayah yang sakit, jadi saya ambil keputusan berhenti kerja di sebuah syarikat perladangan.

## Modal

"Oleh sebab tiada pekerjaan dan tidak begitu sibuk menjaga ayah saya ketika itu, saya nekad memulakan aktiviti perternakan ini dengan modal keseluruhan kira-kira RM5,000 untuk membeli haiwan ternakan dan mendirikan kandang," katanya kepada Bernama di sini kelmarin.

Mohd Faiz berkata, kebanyakannya pelanggannya adalah penduduk di kawasan Chini yang biasanya mahu membeli itik daging dan telur itik.

Menurutnya, seekor itik daging dijual pada harga RM50 seekor, manakala sebijik telur itik dan telur itik yang sudah diproses menjadi telur masin dijual pada harga masing-masing 70 sen dan RM1 sebijik.

"Ternakan matang lain pula dijual secara berkala antara RM3,000 hingga RM3,500 seekor

untuk lembu dan RM1,000 sehingga RM1,800 untuk kambing," katanya.

"Bagi menambah baik dan memaksimumkan hasil pendapatan, saya sentiasa memikirkan bagaimana untuk menurunkan kos operasi harian," katanya.

Beliau berkata, selain mencampurkan makanan palet dan membiarkan ternakan lembu dan kambing meragut rumput, beliau turut membeli dan merebus bersas hancur untuk diberikan kepada itik daging.

"Ia menjadikan kos keseluruhan bagi makanan palet untuk semua ternakan kira-kira RM40 sehari.

"Selain itu, untuk menjimatkan kos, saya menggunakan kayu yang diambil dari kawasan berdekatan bagi membangun dan memperbaiki kandang dan pagar," katanya.

Mohd Faiz yang telah beberapa kali mengikuti kursus berkaitan perternakan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkata, beliau juga bersedia memberikan panduan dan tip kepada golongan belia terutama di kawasan Chini yang ingin mencuba aktiviti perternakan. - Bernama



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL



Mohd Faiz memerlukan tik ternaknya di ladang sawit Felda Chini 2 dekat Pekan Kelmarin.

## Lelaki terjun dalam akuarium demi cabaran TikTok ditahan

**LOUISIANA** - Seorang lelaki ditahan selepas bertindak terjun ke dalam akuarium di sebuah kedai peralatan sukan di Louisiana, Amerika Syarikat demi cabaran TikTok baru-baru ini.

Kevin Wise, 26, pada mulanya memuat naik sebuah video yang mengutakat sekiranya dia memperoleh sebanyak 2,000 tanda suka, dia akan terjun ke dalam sebuah akuarium tertutup di Bass Pro Shops di Bossier City.

Dilaporkan, selepas menerima 2,700 tanda suka, Wise bertindak dan masuk ke dalam akuarium tersebut sambil dilihat oleh beberapa orang pelanggan yang lain.

Sebuah video yang dirakam oleh seorang pelanggan menjadi tular yang menunjukkan Wise berenang di dalam akuarium tersebut selama beberapa saat sebelum keluar dan berlari meninggalkan kedai berkenaan dalam keadaan basah kuyup.

Bass Pro Shops membuat aduan kepada pihak polis pada Jumaat lalu dengan menuntut sejumlah wang bagi

mengosongkan akuarium bersaiz 13,000 gelen itu untuk membersihkannya.

Pihak pengurusan premis itu juga mengupayai ahli biologi untuk memeriksa tangki tersebut bagi menentukan kererosakan yang telah dilakukan terhadap ikan-ikan di dalam akuarium tersebut.

Wise kemudian dibebaskan dengan arahan untuk hadir ke mahkamah sebelum menyiaran video di laman TikTok bagi meminta sumbangan berjumlah AS\$1,500 (RM6,420) untuk menampung denda yang perlu dibayar. - Agensi



Wise berenang di dalam akuarium di sebuah kedai peralatan sukan dekat Louisiana, Amerika Syarikat selama beberapa saat sebelum berlari keluar.



## Float kuda sorok kerbau

**Tumpat:** Dua lelaki disyaki menyeludup ditahan ketika membawa dua kerbau dan seekor lembu dalam *float* kuda (semi treter kandang halwan) secara tidak sah dari Thailand.

Tindakan itu dipercayai untuk mengaburi pihak berkuasa, tetapi mereka ditahan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) di Jalan Chabang Empat di sini, jam 12.15 tengah hari, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, pihaknya yang melakukan ronduan

mengesan sebuah jip yang menunda *float* kuda dipan-

du dalam keadaan menu-

rigakan. "Pemandu dan kelindan-

nya ditahan sebelum hasil

pemeriksaan dalam *float* kuda itu menemui dua ker-

bau betina dan seekor lem-

bu jantan disyaki diseludup

dari negara jiran. "Ketiga-tiga ternakan itu

tidak mempunyai tag,

lingga, dokumen perjalanan

dan permit pe-

mindahan

yang sah," katanya.

Ketika dihu-

bung

di sini, semalam. Azhari berkata, semua rampasan termasuk tiga ternakan dianggarkan ber-

nilai keseturuhan RM45,000 dibawa ke Balai Polis Cha-

bang Empat untuk tindakan lanjut.

Katanya, pemandu dan kelindan berusia 35 serta 25 tahun ditahan untuk sia-

satan mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953. "Semua terbaka bernilai RM20,000 itu diserah-

kan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Ke-

lantan untuk tindakan lan-

jut," katanya.

**Ternakan tiada tag teingga, dokumen perjalanan dan permit pemindahan yang sah**

JIP yang menunda bersama *float* kuda membawa kerbau dan lembu tidak sah dari Thailand ditahan di jalan Chabang Empat, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Virus selesema babi dikesan pada ternakan, tiada risiko jangkiti manusia - Jabatan Veterinar



KUALA LUMPUR, 1 Julai -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengesan sampel yang seropositif virus Swine Influenza H1N1 (SIV H1N1) atau selesema babi pada ternakan babi komersial dan babi hutan menerusi program surveyan kebangsaan yang dijalankan.

Dalam satu kenyataan hari ini, jabatan itu memaklumkan bagaimanapun ternakan babi yang seropositif itu tidak menunjukkan sebarang gejala penyakit serta tidak berisiko untuk menyebarkan jangkitan kepada manusia.

"Keputusan ujian bagi virus novel 2009 H1N1 pandemic (H1N1 pdm09) adalah negatif terhadap semua sampel berkaitan," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui DVS dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia telah mengambil tindakan pencegahan penyakit rentas sempadan daripada memasuki negara dengan melaksanakan pelbagai aktiviti.

Antaranya meneruskan larangan pengimportan babi dan produk babi dari negara terjangkit dan berisiko dijangkiti, aktiviti pencegahan di pintu masuk utama negara yang membabitkan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan ke atas babi serta produk babi dari negara berisiko.

Turut dilaksanakan kempen kesedaran awam kepada penternak mengenai penyakit babi di semua negeri dan penternak diminta meningkatkan biosekuriti ladang melalui tindakan pencegahan seperti tidak melawat ladang yang terjangkit.

Menurut kenyataan itu, surveyan klinikal dan pensampelan terus dijalankan di semua ladang babi komersial dan babi hutan termasuk di pintu masuk negara yang mana sampel diambil akan diuji di makmal DVS.

"Jika terdapat sampel positif, ujian lanjut untuk menentukan strain H1N1pdm09 virus dan G4 EA H1N1 akan dijalankan selain pihak kementerian akan bertindak menyelaras dengan pelbagai agensi penguasa dan pihak berkuasa berkaitan bagi memperkemaskan aspek kawalan bersepadan bagi menghalang kemasukan/penularan penyakit itu," katanya.

Kenyataan itu menyebut industri babi di Malaysia ketika ini mempunyai populasi sebanyak 1,748,547 ekor bernilai RM5 bilion yang diternak di 614 ladang komersial melibatkan kira-kira 5,000 pekerja yang terbabit secara langsung dalam industri ternakan babi.

SIV H1N1 merupakan virus avian influenza yang beradaptasi dan bermutasi menjadi virus babi dan terdapat tiga strain H1N1 yang telah dikenal pasti iaitu SIV H1N1, H1N1pdm09 virus dan G4 EA H1N1.

SIV H1N1 biasa ditemukan pada babi dan sangat endemik dalam kalangan negara pengeluar babi di dunia seperti Amerika, Mexico, dan China yang menyebabkan jangkitan dengan kadar morbiditi tinggi tetapi kematian rendah.

Pada 2009, virus influenza swine subtip yang baharu iaitu novel 2009 H1N1 Pandemic (H1N1pdm09 virus) dijumpai pada manusia di Mexico tetapi dianggap masih kurang berbahaya kerana boleh dikawal melalui pemberian vaksin selesema bermusim H1N1 pada manusia berbanding G4 EA H1N1 yang bersifat lebih patogenik dan berbahaya serta tidak boleh dicegah melalui vaksin sedia ada.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>2/7/2020</b>	<b>ASIA NEW TODAY</b>	<b>ONLINE</b>	

## Swine flu detected in livestock but no risk of infecting humans – Veterinary Dept



KUALA LUMPUR, July 1 — The Department of Veterinary Services (DVS) has detected seropositive samples of Swine Influenza H1N1 (SIV H1N1) virus or swine flu in commercial livestock and wild boars via the national surveillance programme.

In a statement today, the department, however, noted that the seropositive pig breeds showed no symptoms of any disease and were not at risk of spreading the infection to humans.

"While the test results for the 2009 H1N1 pandemic virus (H1N1 pdm09) were negative for all relevant samples," the statement said.

Accordingly, the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) through the DVS and the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS) have taken various measures to prevent the disease from entering the country.

Among them are the restrictions on the importation of pigs and pig products from infected and at-risk countries, as well as preventive measures including monitoring and inspections at the country's main gateways.

The statement said awareness campaigns on swine flu had also been launched in all states, and livestock breeders were urged to increase farm biosecurity through preventive measures such as not visiting infected pig farms.

The swine industry in Malaysia currently has a livestock population of 1,748,547 worth some RM5 billion being bred in 614 commercial farms, involving about 5,000 workers, it added.

— BERNAMA

# Women agropreneurs expand reach through e-commerce

AGROBANK'S small and medium-size enterprise (SME) clients have adapted to the new normal by going online as well as trading via e-commerce platforms to ensure their business sustainability.

During the Umbi Agro dialogue on Facebook Live held in conjunction with Agrobank's SME Month, two of the bank's women agropreneurs, Mazlina Kamarruddin and Musleha Zainuddin, shared their views on the topic "Post MCO Agropreneurs:

Adaptation and Recovery" and related how they shifted gears during the new normal.

Mazlina is Bisini Cergas Sdn Bhd managing director while Musleha is managing director of MHP Enterprise Sdn Bhd.

The session was moderated by Agrobank Corporate Strategic Planning Department head Lokman Affandy Yahaya.

The women spoke about the importance of

during a local or global crisis such as the Covid-19 pandemic which saw the government implementing the movement control order (MCO).

While the MCO period saw SME entrepreneurs struggling to operate under restrictions, Mazlina, who runs the Ayam Bismi Halal Suci chicken production and processing business, said the MCO period turned out to be a blessing in disguise for her as she took her venture online.

"Initially, I could not imagine what was going to happen (to my business) when the MCO was announced, as during that time we had about one million chickens at our farms.

"I was relieved when chicken production and processing was categorised as essential services that were allowed to operate during the MCO.

"We quickly searched for alternatives. That was when we launched [www.ayambsi.mii.com](http://www.ayambsi.mii.com) where consumers could buy and collect the birds from our factories or have them delivered to their homes," she said.

Musleha, a traditional food and snack producer under the brand name Masri, said she was able to do business from home, as it involved women from around her



Covid-19  
Road to  
recovery

headquarters in Sekinchan.

"The MCO forced her to explore selling her products online and, at the same time, offer other essential items which were in demand. "During the early stage of the MCO, we operated as usual from home and delivered our food products to customers.

"But we had to switch to the e-commerce platform because of its reach. We learnt quickly to diversify our product options and that was also the time when Agrobank stepped in by providing coaching on e-commerce and online businesses, copywriting and online marketing skills."

She acknowledged that it was time for SME entrepreneurs to take the next step forward by exploring e-commerce platforms and improving their knowledge about doing business online.

The full session can be viewed on the bank's YouTube channel Agrobank TV.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	31

# PKS Agrobank teroka e-dagang

Inisiatif adaptasi normal baharu untuk kelangsungan perniagaan

Oleh NORSHAHZURA MATZUKI

Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Agrobank komited menerokai segmen e-dagang untuk meneruskan kelestarian perniagaan mereka.

Agrobank dalam satu kenyataannya menjelaskan, usaha tersebut merupakan langkah ke hadapan untuk mengadaptasi normal baharu dalam aktiviti perniagaan masing-masing.



Lokman Affandy bersama Mazlina (gambar berawal) dan Musteha pada sesi Usahawan Agro Selepas PKP. Adapta& dari Perniagaan yang berjaya di Facebook Live.

agaan dengan meneroka pasaran dalam talian untuk menjual produknya ketika PKP.

“Pada awal tempoh PKP, saya menjalankan operasi di rumah seperti biasa dengan menawarkan khidmat penghantaran produk ke rumah.

“Namun atas khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan Agrobank kami ubah strategi dan meneroka permasaran dalam talian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog khas bertajuk Usahawan Agro Selepas PKP: Adaptasi dan Pemulihian yang bersiaran di Facebook Live Agrobank minggu lalu.

Sesi yang dikendalikan oleh Ketua Jabatan Perancangan Strategik Korporat Agrobank, Lokman Affandy Yahaya itu turut menampilkan Pengarah Urusan MHP Enterprise Sdn Bhd, Musleha Zainuddin.

Sementara itu, Musleha

kan apa yang akan terjadi ketika penguruman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Namun, saya akhirnya mencari alternatif untuk menjalankan perniagaan dengan mematuhi garis panduan dietapkan oleh kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog khas bertajuk Usahawan Agro Selepas PKP: Adaptasi dan Pemulihian yang bersiaran di Facebook Live Agrobank minggu lalu.

Beliau yang juga pengusaha berkata, sudah tiba masanya untuk usahawan PKS menerokai platform e-dagang secara lebih serius dan mulai bergerak seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa selain meningkatkan ilmu dan kemahiran kendiri dalam menjalankan perniagaan secara dalam talian.

wan PKS untuk bertahan dan meneruskan perniagaan ketika dunia dilanda Covid-19, mereka perlu mengikuti larangan dan garis panduan telah ditetapkan oleh kerajaan.

“Pada awalnya, saya tidak dapat membayangkan

penularan koronavirus (Covid-19) yang berlaku sekarang ini.

Pengarah Urusan Bismi Cergas Sdn Bhd (Ayam Bismi Halal Suci), Mazlina Kamruddin berkata, walaupun pada awalnya sukar bagi usaha-

Jelasnya, inisiatif tersebut penting kepada setiap PKS kerana ia merupakan alternatif kepada transaksi perniagaan sehari ada khususnya ketika berdepan sebarang krisis sama ada di peringkat nasional atau global seperti sing-masing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

## Jelapang padi Kota Belud rugi RM29 juta akibat banjir

**KOTA BELUD** - Jelapang padi Kota Belud mengalami kerugian kira-kira RM29 juta apabila hampir keseluruhan kawasan tanaman padi seluas kira-kira 7,000 hektar itu terjejas teruk dan rosak akibat banjir susulan hujan lebat melanda Sabah pada Sabtu lalu.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Salmah

Labulla berkata, anggaran kerugian itu dikira berdasarkan potensi hasil, harga pasaran semasa bagi satu tan hasil padi dan kos terlibat untuk penanaman padi tersebut.

Pada Sabtu lalu, hujan lebat berterusan telah mengakibatkan 11 daerah yang melibatkan sebanyak 152 kampung di Sabah terjejas akibat banjir termasuk Kota Belud, Tenom, Beaufort, Papar, Tuaran dan Penampang.

Salmah berkata, pihaknya turut mem-



**Makdin melihat keadaan sawah padinya yang ditenggelami air banjir di Kampung Tawadakan dekat Kota Belud semalam.**

beri perhatian kepada kira-kira 3,000 petani yang terjejas menerusi program bantuan bencana bagi meringankan beban kos ditanggung sepanjang tempoh penjagaan tanaman padi mereka.

Seorang pesawah yang terlibat, Makdin Umpong berasa sedih kerana padi yang telah diusahakan selama tiga bulan tidak berhasil akibat rosak kerana banjir.

“Saya sepatutnya menuai padi dalam seminggu ini tetapi saya pasrah kerana ia di luar jangkaan,” katanya. - Bernama

# Rice bowl of Sabah waterlogged

## Losses amount to RM29mil after floods devastate padi fields in Kota Belud

KOTA BELUD: Kota Belud, the "rice bowl" of Sabah, is looking at RM29mil in losses after nearly 7,000ha of padi fields were severely damaged by floods that hit the district following heavy rainfall.

Kota Belud Integrated Agricultural Development Area director Salmah Labulla said that the estimated losses were calculated based on the potential yield, current market price and the costs involved in cultivation.

"Based on aerial view, we found the entire area of about 7,000ha of padi fields have been affected by the floods with losses estimated at RM29mil," she said.

On Saturday, heavy rainfall left 11 districts and 152 villages in Sabah flooded, including Kota Belud, Tenom, Beaufort, Papar, Tuaran and Penampang.

Salmah said that almost half the padi fields in Kota Belud, which were about to be harvested, were covered in mud.

She said that the 3,000 affected farmers would be given assistance

of between RM800 and RM1,000 per hectare each, based on the age of their crops through the disaster relief programme.

In the meantime, several measures must be implemented to prevent such problems from recurring, Salmah said.

They include looking at the need for a dam to control water levels and deepening the rivers in Kota Belud.

Farmers expressed their sadness at seeing the damage to their crop, which was mere days away from being harvested.

Perin Rahil said that 2ha of his padi fields were damaged and his losses were estimated at about RM11,000.

For Amran Sibin, assistance from the government was very much needed to ease his burden.

Another farmer, Makdin Umpong, who was set to harvest his crop this week, was saddened by the calamity but he accepted it as something that couldn't have been predicted. — Bernama



Harvest destroyed: Makdin at his flooded padi field. — Bernama

# Belum gugur habis ditempah

*Durian baka Cikgu Wei jadi rebutan walau harga cecah RM40 sekilogram*



Oleh Ahmad  
Rabiul Zulkifli  
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

**B**uah durian belum luruh namun semuanya habis ditempah pelanggan."

Begini kata Ismail Tawang, 74, apabila durian baka Cikgu Wei (CW) yang dihasilkan sendiri mendapat sambutan menggalakkan setiap tahun.

Ismail atau lebih mesra dipanggil Cikgu Wei berkata, pokok durian CW itu dihasilkan menggunakan teknik tertentu daripada benih durian kampung dan dijangka mengeluarkan lebih 300 buah.

*Dijangka durian CW paling awal luruh September depan*  
Ismail Tawang

"Ramai peminat durian termasuk peniaga yang membuat tempahan dan dijangka durian CW paling awal luruh September depan.

"Harga durian CW kekal RM40 satu kilogram seperti dua tahun lalu biarpun permintaan semakin meningkat kerana kualiti buah terjamin," katanya ketika dijumpai di kebun durianinya di Kampung Lingai, Tepoh di sini, semalam.

Menurutnya, dia meng-

habiskan RM10,000 setahun untuk proses membaja sekali gus membolehkan 50 pokok durian di tanah se-luas lapan hektar menge luarkan buah berkualiti.

Katanya, ulas durian CW tidak kuning seperti Musang King atau Udang Merah, tetapi rasanya lebih sedap berbanding durian gred

A berkenaan.

"Saya juga tanam durian gred A atau popular seperti Musang King, Udang Merah, Dioi, Monthon dan Cheni.

"Bagaimanapun, permintaan terhadap durian CW amat menggalakkan berbanding durian gred A lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2020	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

# Cipta peluang menerusi inovasi sektor logistik, peruncitan



Prof Dr Rohaizat

Baharun

Profesor (Pemasaran dan Peruncitan), Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia

Wabak COVID-19 memberi kesan amat ketara apabila semua sektor ekonomi moden terkesan sama ada secara langsung ataupun tidak.

Bagitu juga dengan industri peruncitan yang paling hampir dengan pengguna dan rakyat.

Jabatan Statistik Malaysia melaporkan petunjuk keyakinan bagi industri borong dan runcit pada suku pertama 2020 ialah 5.3 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku pertama tahun lalu.

Ini menunjukkan keyakinan perniaga pada situasi pernilagaan industri tidak berapa baik walaupun sebelum wabak COVID-19.

Ia disebabkan permintaan tidak menentu berpunca kesan ekonomi dunia dan persekutuan politik tidak memberangsangkan, terutama hubungan keruh antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

Apabila COVID-19 dikesan awal Februari lalu dan negara mengancam perintah kawalan pergerakan bagi membendung wabak ini, industri mengalami kesan besar terutama sektor perkhidmatan.

Kumpulan Peruncit Malaysia (RGM) meramalkan industri ini mengucup 5.5 peratus tahun ini. Situasi ini kali kedua di dalam negara selepas 1998 yang menyaksikan pengucupan 20 peratus akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Bagitu juga analisis suku pertama dan keduai 2020 jatuh dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) yang merosot kepada 18.8 peratus dan 9.3 peratus.

Hanya pada suku ketiga dan keempat, ia dijunur naik sedikit sebanyak 2.5 peratus dan 3.3 peratus.

Satu tinjauan pantas runcit oleh firma penyelidikan Asia Pasifik menunjukkan 66 peratus bersetuju bahawa hanya selepas enam bulan, keadaan perniagaan mereka akan kembali normal seperti sebelum wabak berlaku.

Bagaimanapun, hanya sektor yang mendapat permintaan tinggi akan pulih seperti industri makanan dan minuman, agrotani dan kesihatan.

Sektor lain akan menyusul kemudian sedikit demi sedikit, berdasarkan permintaan pengguna dan dasar kerajaan yang membenarkannya untuk beroperasi.

Penggiat besar dalam industri peruncitan seperti pasar raya besar dan kompleks beli-belah, mengalami kesan lebih besar.

Dalam satu tinjauan, lebih 50,000 kedai kecil atau kedai rangkaian yang beroperasi di kompleks beli-belah akan gulung tikar atau 15 peratus daripada keseluruhan mereka.

Kesan ini akan mengurangkan permintaan bermula di kompleks beli-belah dan kadar penyewaan atau pajak akan jatuh kepada hanya 70 peratus.

Kesas ini juga membantu turunkan perkembangan sesetengah jenama terkenal untuk menambah cawangan mereka di seluruh negara pada tahun ini dan mungkin menjangkau ke tahun hadapan.

Satu perkara baik bagi situasi di atas ialah kadar sewaan di tempat sebegini akan jatuh atau stabil

**Ramai sarjana berpendapat wabak COVID-19 juga menunjukkan trend baru dalam menjalankan perniagaan yang tidak hanya perlu mengunjungi kedai atau premis secara fizikal seperti sebelum wabak berlaku.**

dan pengurusan kompleks mungkin memberi kontrak baharu kepada penyewa runcit ini, supaya dapat mengekalkan tahap sewaan mereka.

Pelabur runcit juga akan mengehadkan pelaburan mereka dalam industri tempoh setahun dua ini.

Kita juga akan dapat menjangka strategi jualan murah bakal digunakan untuk menarik balik kedatangan pengguna ke kompleks beli-belah. Ini satu keuntungan kepada pengguna khususnya.

Bagaimanapun ramai sarjana berpendapat wabak COVID-19 juga menunjukkan trend baharu dalam menjalankan perniagaan

yang tidak hanya perlu mengunjungi kedai atau outlet secara fizikal seperti sebelum wabak berlaku.

Trend perniagaan tanpa sentuhan seperti urus niaga dalam talian dan pembayaran menggunakan e-dompet semakin meningkat serta dinilai bertambah berharga.

Pengguna yang ragu-ragu berkaitan perniagaan dalam talian sekali pun menggunakan perkhidmatan itu dengan membuat pembayaran sehingga yakin menge-nai penghantaran ke rumah.

Perkembangan e-dagang mewujudkan imej dan nilai sehingga memberi kesan besar kepada kehidupan seharian rakyat.

Lebih banyak produk ditawarkan termasuk produk pasar pagi seperti sayuran dan buahan serta produk pasar malam dan pasar Ramadhan seperti makaman, semasa tempoh PKP.

Pak cik dan mak cik pun terpaksa menggunakan aplikasi dalam talian ini untuk menyambungkan kelangsungan kehidupan mereka sebagai pemula kecil-kecilan.

Situs ini memberi kesan kepada rangkaian bekalan dan logistik yang menjadi pihak ketiga kepada penjual dan pembeli. Secara tidak langsung ia memberi isyarat penting kepada peranan rangkaian bekalan dan logistik yang semakin penting.

Sebarang kekurangan daripada peruncit (seperti ketidaaan gu-

dang dan saluran agihan dalam man) dalam situasi ini akan ditampung rangkaian bekalan dan logistik.

Pertambahan gudang dan saluran agihan yang dekat dengan pengguna menjadi penting kepada peruncit dan ini akan mengurangkan kos operasi dan menjadikannya lebih berkesan lagi.

Permintaan pengguna yang ingin produk mereka sampai dengan cepat dan selamat, menjadi faktor utama mereka memilih peruncit untuk pembelian kali kedua dari seterusnya.

Ini satu perkongsian strategik mantap yang tidak pernah mereka rasakan sebelum ini secara holistik.

Peluang ini juga menjadikan mereka lebih berinovasi dalam memberikan kemudahan berkenaan kepada peruncit, dengan memperkenalkan teknologi baharu dalam operasi mereka.

Contohnya melalui penggunaan robotik dalam sistem penghantaran, penggunaan dron, analisis data raya dan internet untuk segalanya (IoT).

Istilah e-hailing dan gig juga mulai bermain di bibir anak muda belasan tahun dan kerja untuk bekerja sendiri dengan menguruskan masa sendiri.

Masalah anak muda yang suka melepas dengan motosikal tanpa hala tuju dapat dikurangkan dengan cara e-hailing dan ekonomi gig ini.

Dalam ekonomi, pembelian aset seperti kereta dan motosikal dinilai tidak produktif, tetapi dengan ada industri baharu ini ia memberi peluang dan pekerjaan baharu bagi generasi muda dengan memanfaatkan aset berkenaan.

Secara tidak langsung penggunaan teknologi ke arah Industri Revolusi 4.0 seperti diharapkan kerajaan dapat dibuat secara tidak langsung daripada pengilang, peruncit, pengusaha makanan dan restoran.

Kesimpulannya, wabak ini memberi peluang dan ruang kepada mereka yang bersifat terbuka dan pencari peluang untuk terus hidup.

Usahawan adalah seorang yang mencari peluang dan menjadikan masalah sebagai peluang untuk berjaya dalam bidang diceburi.

Kadangkala masalah adalah titik tolak untuk kita lebih kreatif dalam menjalani kehidupan di muka bumi Allah SWT ini.



Trend pembayaran menggunakan e-dompet antara kemudahan teknologi yang perlu dimanfaatkan peruncit.

Headline	Practise mixed cultivation, farmers urged		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	02 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	192 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,071
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,212



Jamawi showing those present how to graft a Musang King seedling.

## Practise mixed cultivation, farmers urged

**KEMABONG:** Farmers here have been urged to diversify their agricultural products and to use modern technology to improve production.

They should also venture into planting products that have high export value so that they can increase their revenue, said Kemabong assemblyman Jamawi Jaafar.

The Government encourages farmers to practise mixed cultivation as this will ensure that their revenue will be stable and better. They cannot depend on one crop only as this will be detrimental if the price of the crop drops," said Jamawi.

The Sabah Backbenchers Chairman said this after officiating a briefing and distribution of Musang King durian seedlings to Majlis Permuafakatan Komuniti Kampung (MPKK) chairmen here recently.

Jamawi is no stranger to agriculture as he is a former Agriculture Officer and he imparted his knowledge on grafting the durian as well as the planting method.

"In order to help farmers in the constituency to be more

independent and progressive, I offer my experience and knowledge about the Musang King durian so that they can implement it when planting and caring for the fruit tree," he said.

He pointed out that fruits like durian, pineapples, avocado, pomelo and crops such as black pepper can bring good returns if managed properly.

"These commodities have high global demand and when planted using modern technology and expertise, the quality will be guaranteed. Since 2014, the price for Musang King increased by 200 per cent due to high demand both locally and internationally," he said adding that this is one fruit that tourists from China will buy and consume when they visit Sabah because the price is much cheaper here.

He disclosed that other than China, Hong Kong and Singapore, there is also a high demand for the Musang King from Brunei Darussalam, Australia and USA.

"The government through the Agriculture and Food Industry ministry will continue to support all efforts to increase crop and commodity production," he said.